



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	BUKAN MUDAH LAKSANA PENYATUAN TANAH, SETEMPAT, HM -23 BELIA DIAJAK JADI PESAWAH, NASIONAL, BH -9 CADANGAN PERLU KAJIAN TERPERINCI, NASIONAL, BH -9 URUS SAWAH SECARA PROFESIONAL, MUKA SEPULUH, BH -10 AGRICULTURE MINISTRY CONFIDENT THAT ALLOCATION TO BE INCREASED, NATION, SIN CHEW DAILY -7 PLAN TO INVITE FINANCIAL GROUPS TO INVEST IN FISHERIES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	APMM TAHAN 934 NELAYAN ASING, SETEMPAT, HM -25 1,500 IKAN DALAM SANGKAR 'SESAK', SETEMPAT, HM -34 FISH FARMERS LOSE TO UP TO RM325,000 DUE TO LOW TIDE, NATION, THE STAR -8 TURTLE TO BE NURSED BACK TO HEALTH, NATION, THE STAR -4 934 FISHERMEN ARRESTED ALONG EAST COAST, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C3 IN AWE OF CORAL REEFS AT PORT DICKSON, JOMIGO, NST -54 MOUNTAIN DIVER RECREATIONAL CLUB, GOJOM, NST -55	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	SASAR PENGELUARAN 80 TAN SEHARI, KOSMO, NIAGA -39	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
15.	KERAJAAN NEGERI BAKAL WUJUDKAN SEKOLAH PELADANG, NASIONAL, BH -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16.	NIKMATI DURIAN PERCUMA, WAJAH-WAJAH, HM -62	AGROBANK
17. 18. 19. 20. 21.	SITI SYUHAILA PILIH JADI USAHAWAN TANI, USAHAWAN MUDA, BH -10 RMS BERKAMPUNG DI SABAK BERNAM, SINAR TENGAH, SH -29 LADANG PADI TERIMA REAKSI POSITIF, NATIONAL, BH -8 LABOUR AND LAND ISSUES IN PADI FARMING, VIEWS, THE STAR -15 HYBRID MANGOES WITH SPECIES FROM AUSTRALIA AND MALAYSIA, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A37	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bukan mudah laksana penyatuan tanah

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akui bukan mudah melaksanakan penyatuan tanah sawah kerana terpaksa berunding dengan pesawah yang majoritinya penduduk kampung.

Menterinya, Datuk Sallehuddin Ayub berkata, pihaknya perlu melakukan proses libat urus, berunding dan membuat perjanjian dengan pemilik tanah sawah sebelum dicarumkan sebagai ladang besar.

"Cabarannya bukan mudah kerana orang kampung, jadi kita kena libat urus, berunding dan membuat perjanjian supaya tanah mereka dapat digabungkan.

"Bagaimanapun, sudah ada model penyatuan yang berjaya dan kita kini menyiapkan model itu supaya ia dapat beri pulangan tinggi kepada pesawah padi," katanya selepas melancarkan Dokumen Pengembangan Perikanan (DPP), Jabatan Perikanan Malaysia di sini, semalam.

Katanya, kementeriannya akan mengambil tang-



SALAHUDDIN (tengah) menunjukkan buku DPP pada majlis Pelancaran Dokumen Pengembangan Perikanan (DPP) Jabatan Perikanan Malaysia.

gungjawab sepenuhnya untuk memastikan idea penyatuan tanah itu berjaya termasuk menjalankan kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi serta beberapa agensi lain termasuk Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan Berhad (Felcra) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Salahuddin berkata, kementeriannya memberi tumpuan penuh kepada idea

penyatuan tanah termasuk meneliti model penyatuan yang sudah berjaya termasuk Felcra dan Felda.

"Saya difahamkan di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) sudah ada 10 anak muda yang berjaya melaksanakan program penyatuan tanah sawah ini namun ia masih pada skala tanah kecil.

"Mungkin kalau ada pihak swasta yang berminat, idea penyatuan tanah itu boleh di-

kembangkan kepada skala tanah yang lebih besar sehingga ribuan ekar," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di Alor Setar, Kedah memaklumkan penyawah kecil perlu mencantumkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi yang dthurus secara profesional dan menjaga keuntungan.

Estet padi

Belia diajak jadi pesawah

Kementerian
dapatkan
pandangan
Pengerusi
FELDA model
penyatuan tanah

Oleh Wan Faizal Ismayatim
dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Estet padi yang diusahakan FELCRA Berhad, antara model penyatuan tanah yang diteliti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, untuk dijadikan ladang padi mengurus secara profesional dan menjana keuntungan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata cadangan penyatuan tanah menerusi cantuman sawah milik pesawah kecil akan diterajui kementerian dengan sokongan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Beliau berkata, kementerian juga sedia menawarkan tanah 2,000 hektar kepada syarikat swasta yang berminat untuk menguruskan sawah secara skala besar, asalkan ia mampu memberi pulangan setimpal kepada pesawah.

Katanya, pihaknya juga akan mendapatkan pandangan Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Bakke Salleh berhubung model penyatuan tanah atas pengalaman beliau dalam pengurusan ladang besar ketika menjadi Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Sime Darby Plantation Berhad (SDP).

"Kita sedang menyiapkan model itu, tanah yang kecil ini diusahakan petani lanjut usia. Jadi, kita akan jemput orang muda masuk sektor ini," katanya selepas melancarkan Dokumen Pengembangan Perikanan (DPP) Jabatan Perikanan Malaysia di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pesawah kecil perlu mencantumkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi yang mengurus secara profesional dan menjana keuntungan.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, jika usaha itu tidak dilakukan, pesawah kecil akan terus menjadi antara rakyat termiskin di negara ini yang bergantung kepada subsidi.

Katanya, sawah yang berkeluasan antara dua ke tiga hektar tidak mampu memberi keuntungan kepada pesawah sama seperti kebun sawit atau getah yang diusahakan secara kecil-kecilan.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, konsep penyatuan tanah dijangka mampu meningkatkan tahap sara diri bagi padi hingga lima peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemnah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata persetujuan pemilik dan penyewa tanah sawah serta penyusunan semula lot tanah, antara cabaran dalam usaha mencantumkan tanah sawah itu.

Justeru, katanya, kerajaan perlu mengemukakan satu formula yang boleh dipersetujui bersama pemilik dan penyewa tanah, selain tawaran insentif yang menarik supaya cadangan itu dapat dilaksanakan.

"Sebahagian tanah padi diusahakan oleh penyewa. Justeru, kepentingan mereka juga perlu diambil kira, bukan hanya pemilik tanah.

"Jika pemilik setuju tetapi penyewa tidak setuju, tidak boleh juga. Mereka bimbang akan hilang pekerjaan. Jadi, bagaimana kita mahu lakukan penyatuan tanah?" katanya.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata, NAFAS dalam perancangan melaksanakan projek ladang padi dan kertas cadangan mengenainya dijangka dikemukakan kepada kerajaan bulan depan.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Norsida Man, berkata Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) perlu menyediakan tawaran yang menarik bagi memastikan pemilik sawah bersetuju.

Norsida berkata, berdasarkan kajiannya mengenai kelompok tani besar-besaran sebelum ini, pemilik tanah kebanyakannya bimbang akan hilang hak membuat keputusan, selain agihan subsidi dan pendapatan yang diterima berbeza berbanding tanah diusahakan sendiri.

"Jika berlaku penyatuan tanah, perlu ada keputusan bersama atau diputuskan oleh satu pihak yang mengusahakan tanah seperti KADA dan MADA. Jadi mereka tidak boleh membuat keputusan sendiri contohnya bila mahu menabur benih atau baja.

"Mereka juga bimbang jika pendapatan lambat diperolehi, contohnya jika sebelum ini hasil diperolehi dalam masa tiga hari, tapi jika melalui penyatuan tanah, hasilnya mungkin pada hujung bulan.

"Justeru, perlu ada tawaran atau insentif yang menarik kepada mereka, selain KADA dan MADA perlu bersedia termasuk dari segi sumber manusia dan kewangan untuk menguruskan ladang padi," katanya.



Salahuddin bersama Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Datuk Mohd Anim Hosnan (kiri) dan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Mumir Mohd Nawi menunjukkan buku DPP pada majlis pelancarannya di Putrajaya, semalam.

(Foto Ahmad Izham Mohd Noor/BH)

Cadangan perlu kajian terperinci

Tanah Merah: Kerajaan Kelantan menyifatkan cadangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi mencantumkan tanah pesawah kecil sebagai idea menarik kerana mampu meningkatkan pendapatan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, bagaimanapun berkata cadangan itu perlu kajian terperinci oleh pihak berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Kita menganggap cadangan Dr Mahathir itu sangat menarik kerana kebanyakan tanah kini diusahakan individu dan sekiranya dicantumkan, ia mungkin memberi pendapatan lebih besar. Malah jika usaha itu dibuat kajian secara teliti dan terperinci, kerajaan negeri sedia memberi kerjasama.

"Kajian itu penting bagi melihat kelebihan dan kelemahan memandang sawah milik individu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat EXCO kerajaan negeri di Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) di sini, semalam.

PIDM Perbadanan Simpanan Darjat Malaysia
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Putrajaya

1-800-881265 | pidm.gov.my

SIAPA YANG MELINDUNGI SIMPANAN BANK ANDA SEHINGGA RM250,000?

PIDM adalah agensi kerajaan yang melindungi simpanan bank anda sekiranya sesebuah bank ahli menjadi muslis.

**BEGINI CARANYA
PERLINDUNGAN
PIDM BERFUNGSI:**



Simak jika bank anda adalah ahli PIDM



Perlindungan sehingga RM250,000



PIDM membayar balik simpanan bank anda dengan segera



AUTOMATIK!
TIADA PERMOHONAN,
TIADA PEMBAYARAN.

INGAT PIDM, INGAT PERLINDUNGAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Minda Pengarang

Urus sawah secara profesional

Cabaran demi cabaran dihadapi industri padi dan beras, menuntut sektor ini melalui lonjakan, khususnya ke arah pertanian pintar agar kebergantungan kepada jelapang padi negara kekal relevan. Pertanian pintar bukan sahaja membabitkan penggunaan teknologi, sebaliknya turut meliputi perpindahan aspek pengurusan jelapang padi daripada konvensional kepada komersial.

Bergerak ke arah itu, kita setuju cadangan agar sawah kecil milik petani dicantumkan menjadi ladang atau estet. Cadangan ini harus disahut pesawah kerana umum tahu, kos pengurusan sawah di negara ini lebih tinggi berbanding Vietnam, Indonesia atau Thailand.

Mengambil kira hal ini pengurusan secara ladang dilihat langkah terbaik untuk meminimumkan kos, pada masa sama, meningkatkan pengeluaran. Program estet padi diusahakan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai contoh, mengurangkan kos mengusahakan sawah antara 10 hingga 15 peratus, manakala hasil meningkat 0.5 tan hingga satu tan sehektar.

Kita percaya dengan pendapatan lebih terjamin melalui pengurusan estet padi yang lebih profesional, petani tidak akan lagi bergantung hidup semata-mata kepada subsidi. Sudah sampai masanya sektor padi dan beras negara bergerak ke arah pengurusan lebih profesional melalui adaptasi automasi dan mekanisme.

Headline	Agriculture Ministry confident that allocation to be increased		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,182
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,545



內閣商預算案預備事宜 農業部有信心撥款增

(布城11日讯)农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁今日说，内阁今日广泛讨论了明年度财政预算案的预备事宜，各个部门都为本身的拨款要求发表论述。

他也有信心农业部明年的拨款能够增加，以便他能推展各项农业发展计划，包括农地合并、现代化农业等和青年农业计划。

“这些计划都需要足够的拨款来推动，因此，我相信在农业部的努力下，但愿首相和财长会提供额外的拨款。”沙拉胡丁今日在渔业局推介渔业发展文件后，在新闻发布会上发表谈话。

今年拨款44亿减20亿

农业部今年共获得44亿令吉的拨款，对比2018年的62亿，减少了20亿令吉。

他说，该部将会着重于改善渔民和稻农的生计问题，因为他们依然很贫穷，该部将会设法，包括通过私人界投资农地合并计



沙拉胡丁为渔业发展参考文件主持推介。右为渔民局总监慕尼，左为农业局副总监阿宁。

划，以及现代化农业和提升农业配备等来改善他们的条件。

他说，目前的农地合并规模不大，该部希望私人界的参与能扩大规模，同时善用联邦土地发展局新任首席执行官管

理森那美的经验来处理农地合并计划。

他也说，目前已经有了成功的合并模式，当局目前正在拟定完整的模式，以协助农民提高收入。

Headline	Plan to invite financial groups to invest in fisheries		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	670 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,428
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,283



农长：助渔民添先进设备

拟邀财团投资捕鱼业

(布城 11 日讯) 为确保渔民可以增加收入，农业及农基工业部计划邀请私人领域或财团，投资海上捕鱼业。

部长沙拉胡丁说，海上捕鱼需要先进的科技与设备，私人领域或财团若能够投资这些设备是一件好事。

“我国渔民缺乏设备，若可以到深海捕鱼的先进鱼船，都是需要资金，政府正计划拟订一个方案，通过私人领域及财团的投资，让渔民可以利用先进设备到海上去捕鱼。”

他相信在取得更大的渔获下，渔民与投资者都可以分享盈利。

沙拉胡丁今午出席内阁会议后，为大马渔业局推介渔业发展文件时，向媒体这么说。

出席者包括大马渔业局总监拿督慕尼尔及副总监拿督巴比安。

内阁今日花费更长的时间讨论各项 2020 年财政预算案议题，为下月 11 日公布的 2020 年度财政预算案做好全面准备工作，为广人民呈献最好的预算案。

农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁说，每一名部长都就本身部门拟定的建议提出讨论，基于农业与农基工业部有不少的活动与计划要继续推行，他已在内阁争取，希望明年财政预算案的拨款会增加。

他指出，该部有很多计划已进行或即将进行，如办农民培训计划，鼓励年轻从事农业、行“园丘式”或“集体式”稻米种植方式，提高农民与渔民的收入，以及推动农业部改革和强化大马农业的多项计划与工作



沙拉胡丁（中）在慕尼尔（右）及巴比安陪同下，翻阅渔业发展文件。

等。

“为达致这目标与方向，我们相信财政部会考虑农业部提出增加拨款的要求。”

他相信该部在过去一年多积极的推动下，所有的领域都取得良好的进展，该部会获得财政部关注，取得更

多拨款，推动农业向前迈进。

国家诚信党署理主席沙拉胡丁表示，他不认为伊斯兰党会撤回过去指控巫统是异教徒的言论。

“这是伊党收藏着的‘护身符’，只要有一天两党要分离，伊党就会再提出这样言论。”

APMM tahan 934 nelayan asing

Kuantan: Seramai 934 nelayan termasuk warga asing bersama 97 bot ditahan dalam Operasi Naga Barat (Ops Naga) yang dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di sekitar perairan Pantai Timur bermula 2 Mei lalu hingga kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Muda Maritim, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, Ops Naga itu turut membabitkan operasi bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Pasukan Polis Marin (PPM).

Beliau berkata, keseluruhan hasil tangkapan dalam Ops Naga berkenaan dianggarkan hampir RM118 juta.

"Dalam operasi itu, kita sudah membuat pemeriksaan ke atas 1,674 bot nelayan dan daripada jumlah itu, sebanyak 97 bot disita dan seramai 934 orang awak-awak ditahan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Zulkarnain berkata, operasi berkenaan membabitkan rondaan dan penguatkuasaan undang-undang secara bersepadu di perairan dan ruang udara Pahang, Terengganu serta Kelantan.

"Tangkapan membabit-



ZULKARNAIN

kan 822 orang warga Vietnam, 51 warga Thailand, sembilan warga Myanmar, 11 warga Kemboja dan 41 warga tempatan.

"Hampir semua nelayan yang ditahan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/1963 iaitu memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah.

Katanya, dengan kejayaan operasi bersepadu itu, Ops Naga akan diteruskan bagi memastikan perairan negara tidak terus diceroboh dan nelayan tempatan dapat menjalankan aktiviti mereka tanpa gangguan serta saingan daripada nelayan asing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	34



IKAN sangkar yang ditenak di Kampung Kuala Bekah, Pulau Musang mati dipercayai kekurangan oksigen.

1,500 ikan dalam sangkar 'sesak'

Kuala Terengganu: Jumlah ikan terlalu padat di dalam sangkar hingga berlaku kekurangan oksigen dikenal pasti menjadi punca menyebabkan ribuan ikan baung dan tilapia merah yang ditenak di Kampung Kuala Bekah, Pulau Musang, mati.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Zawawi Ali berkata, siasatan mengenal pasti punca ikan mati mendapati ada antara penternak menempatkan antara 1,000 hingga 1,500 ikan dalam satu sangkar yang hanya bersaiz 20 x 20 meter.

Beliau berkata, hasil pemantauan mendapati kebanyakan ikan dianggarkan seberat antara 800 gram

hingga satu kilogram seekor mati dalam sangkar yang terletak di lokasi bahagian tengah menghala ke tebing sungai.

"Ikan yang mati spesies ikan baung serta tilapia merah dan tidak membabitkan ikan liar termasuk patin.

"Hasil temu bual dengan penternak mendapati mereka sedar keadaan ikan yang tercungap-cungap dan ada antara mereka menggunakan pam untuk menghasilkan kocakan air.

"Tiada tindakan diambil hingga ikan berkenaan mengalami kekurangan oksigen dan mati," katanya ketika dihubungi, semalam.

Zawawi mengulas bebe-

rapa penternak ikan dalam sangkar mengalami kerugian lebih RM100,000 apabila ikan yang ditenak dalam sangkar di Sungai Terengganu di Kampung Kuala Bekah di sini, mati Isnin lalu.

Beliau berkata, sangkar yang terlalu padat boleh menyumbang kepada risiko kekurangan oksigen selain aliran air tersumbat disebabkan jaring sangkar kotor dan dipenuhi dengan lumut.

"Penternak ikan dalam sangkar di negeri ini diminta mengurangkan kepadatan ikan dan menggunakan alat bantuan oksigen untuk memastikan ikan peliharaan mendapat oksigen yang secukupnya," katanya.

Fish farmers lose up to RM325,000 due to low tide

KUALA TERENGGANU: Thousands of caged fish have died following a low tide that hit Kampung Pulau Musang and Kampung Beladau Kolam here.

Terengganu Fisheries director Zawawi Ali said the dead fish included red tilapia and baung weighing almost 25 tonnes.

He said the fish died due to lack of oxygen in the water caused by the river conditions, which were without any currents, and the low tide phenomenon.

He said the incident caused seven fish farm entrepreneurs to suffer losses amounting to RM325,000.

A check at fish farms in Kampung Beladau Kolam found that the entrepreneurs were still removing large floating fish carcasses.

Entrepreneur Mat Zaki Yatim, 67, was not only disappointed that he could not sell the fish, but also had to incur losses of about RM100,000.

"The fish take about two to three years to mature before they can be sold and I am upset as these fish were ready to be sold in about two months," he said.

Muhammad Yusri Che Mat, 39, who runs a caged fish breeding business with his brother Muhammad Amzar Aizuddin Che Mat, 29, said he had seen the fish come up to the surface and decided to fix a blower as an "oxygen tool".

"But it wasn't enough as all the fish in three cages died, while the fish in the other seven cages survived," he said. — Bernama

Turtle to be nursed back to health

Aquarium manager: Animal not healthy enough to be released into the wild now

By **RENA LIM**
rena@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The first loggerhead turtle (*Caretta caretta*) rescued near Pulau Kendi will be released once it is nursed back to health.

Tunku Abdul Rahman Aquarium manager Mohamad Saupi Ismail, who received the turtle when it was brought to the aquarium's quarters, said the animal needed care as it was not healthy enough to fend for itself in the wild.

"According to the fisherman who first caught the turtle on Saturday, they had wanted to release it back into the sea.

"But when they released it, the turtle seemed unable to swim properly and was floating in an unbalanced manner.

"They then alerted the authorities and the turtle was sent here to be nursed," he said, at the Fisheries Research Institute Malaysia in Batu Maung yesterday.

Rantau Abang Fisheries Research Institute marine invertebrates branch chief Mohd Tamimi Ali Ahmad said



In safe hands:

Mohd Tamimi (right) feeding the turtle at the Fisheries Research Institute Malaysia in Batu Maung.

the turtle, which weighed over 60kg and measured 111cm in total length, was an endangered species.

"This species is internationally

declared as endangered and is native in the Atlantic, Pacific, Indian and Mediterranean oceans, but not in Malaysia.

"It was probably just passing through the waters off Pulau Kendi as part of its migratory path," said Mohd Tamimi, who said the res-

cued turtle appeared to have been extremely stressed and traumatised.

"It did not appear to have ingested any plastic or other forms of pollutants.

"It could have just suffered from high levels of stress from being caught in the net as it is coughing up mucus from its nostrils and mouth.

"We will collect its mucus samples and run some tests to determine if it is suffering from any other illness," he added.

Mohd Tamimi said the institute would call in a veterinarian to run further checks on the turtle.

The loggerhead is the largest hard-shelled turtle and is carnivorous, feeding mostly on shellfish, crabs, sea urchins and jellyfish.

Named after their huge head and powerful jaws, they have a heart-shaped carapace which is often covered with commensal organisms such as barnacles and algae.

Members of the public who come across distressed marine animals may call the fisheries' monitoring centre's 24-hour hotline at 03-8888 5019.

Headline	934 fishermen arrested along east coast		
MediaTitle	China Press (East Coast)		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	10,592
Page No	C3	Readership	31,776
Language	Chinese	ArticleSize	504 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,903
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,710



→朱凯念上将（前排左3）主持“龙”取缔行动汇报会。

“龍” 取締行動5月2日起

東海岸沿海捕934漁民



（关丹11日讯）“龙”

取缔行动（Operasi Naga）捕抓934渔民。

自5月2日开始在东海岸三州沿海一带展开的“龙”取缔行动效果斐然，至今捕抓934渔民被扣留。

彭亨州海事执法机构局长拿督朱凯念上将主持“龙”取缔行动汇报会时，如是指出。

他说，“龙”取缔行动是由马来西亚皇家海军（RDM）、马来西亚皇家空军（RDM）、水警部队（PPM）、空军部队（PGU）、皇家警察以及海事执法机构的联合行动。

他提到，“龙”取缔行动，在过去几个月检查了1674艘渔

船，其中有97次逮捕行动，扣留934渔民，其中包括822名越南人、51名泰国渔民、9名缅甸渔民、11名柬埔寨渔民以及41名我国渔民。

他说，大部分被扣留者都抵触了1985年渔业法令第15条（1）文（未拥有合法执照进行捕捞）以及非法过境进行捕捞。

起逾億物品

“这一系列的执法行动，起获价值1.18亿令吉的物品。”

朱凯念赞扬执法组的努力，透过该行动，确保合法渔民可以安全在国家海域内进行捕捞活动。

在今年4月24日，内政部长丹斯里慕尤丁以及农业、农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育及国防部副部长刘镇东，宣布成立特别工作组，旨在杜绝外国

渔船非法入境从事海事活动，尤其是越南渔船的问题。

In awe of coral reefs at Port Dickson

Despite its somewhat unclear waters, **Zulkifly Ab Latif** takes a dive into the popular Blue Lagoon to explore its reefs and their inhabitants

The limited visibility while diving near Blue Lagoon has challenged some divers' skill.

THE ride-hailing driver glances at the scuba diving fins peeking out from the sides of my backpack as I get out of the car.

"Can see, ah, down there?" he asks, referring to the waters of Tanjung Biru, a small but popular secluded bay just before Cape Rachado, about 17 kilometres south of Port Dickson town.

As I reply with a short "I hope so", he shakes his head slightly and then drives away, perhaps thinking I may not be so sane. His scepticism is understandable, since not many people have heard of people scuba diving in Port Dickson.

Although the coastal town of Port Dickson is famed as a seaside playground and boasts of some of the most visited beach resorts on the west coast of Malaysia, describing the waters of PD as crystal clear would be a stretch of the imagination.

Despite its somewhat murky waters, there is an abundance of marine life here, namely its treasure of coral reefs, said to be one of the among the last few remaining of the west coast of Malaysia.

DIVING INTO THE LAGOON

I am gathered with 18 other scuba divers here at Tanjung Biru, more popularly known as Blue Lagoon. The beach here is a favourite picnic spot, since the waters are particularly calm and shallow, perfect for little children to frolic in.

The beach is more crowded today thanks to the Eco Fest Action Dive, the main reason I am here. The dive is part of a programme known as Eco Fest Eco District, organised by the recreational club, Mountain Diver, in cooperation with Negri Sembilan Fisheries Department, Port Dickson Municipal Council and Negri Sembilan Tourism Board.

It is low tide and it is quite a walk from the beach to the boats out at the water's edge. My bare feet sink slightly into the soft sand, weighed down by the scuba diving equipment on my back. I begin to understand how the bay is so very popular among families - large expanses of mudflats and sandbanks emerge during low tide, creating shallow pools of water that children can safely play in.

The boat ride to the dive spot of Blue Lagoon takes mere minutes and before I realise it, most of the other scuba divers are already in the water. Splintering into two groups, we descend to a depth of six



Sea turtles were also released at the Blue Lagoon by the Department of Fisheries during the Eco Fest Eco District event.

metres, where I finally get a glimpse of the hidden corals of Port Dickson.

The dive experience is just as I expected it to be - with limited visibility, ranging between four and five metres. Through the green tinted water, long stretches of soft and hard coral can be seen, with an abundance of nudibranchs and sea anemones, the latter also serving as homes for vibrant orange and white striped Clownfish.

Slowly making our way along the reef, the fins of a fellow diver in front of me briefly grazes the sea bed, stirring up muddy silt that further deteriorates the limited visibility. Without a doubt, scuba diving at the Blue Lagoon is best described as muck diving, with a more focused approach on spotting small critters in nooks and crannies instead of admiring vast expanses of coral reefs.

Ascending to the surface at the end of our dives, I spot tiny human forms high up a nearby ridge. These are hikers atop Bukit Batu Putih, a popular hiking spot within Tanjung Tuan that provides a wonderful view of this bay below. The Blue Lagoon is

Clownfish swim through the tentacles of sea anemones at the Blue Lagoon dive spot.





Coral propagation technology was also on display by the Department of Fisheries during the event.



Family picnics are a common sight during the weekends.

MOUNTAIN DIVER RECREATIONAL CLUB

THE Mountain Diver Recreational Club has been around since 2015. The club actively promotes maintaining and preserving the eco-system, both on land and underwater, as well as maintaining a healthy lifestyle.

Registering 50 members, both registered and online, the club actively organises outdoor activities such as scuba diving trips and hill or mountain climbing in Malaysia and neighbouring regions.

Besides that, Mountain Diver has also participated in various CSR and volunteer programmes such as Special Ability Diver (hosted by Universiti Malaysia Terengganu) and Dive Heart International in Pulau Bidor, Perak, in 2018. For more information on future activities organised at Blue Lagoon by Mountain Divers, visit <http://Facebook.com/mountaindiver>.

actually right beside Tanjung Tuan, making the area a destination for hiking as well as seaside activities.

MARINE PARK

I am back on the beach of Blue Lagoon, along with other participants of the conservation event. About 20 hawksbill and green sea turtles are being released into the sea by the state's Fishery Department with hopes that they will survive and thrive. The turtles have a fighting chance here since the waters around Tanjung Tuan and the Blue Lagoon have been gazetted since 1994 as a fishing-protected area

under the Fisheries Act 1983.

Realising the ecological importance of the area, the department is also working to further conserve the area by proposing it be gazetted as a protected Marine Park. If realised, the waters and coral reefs of Blue Lagoon would be better protected under the Marine Park status, with prohibitions against activities such as fishing, destruction or removal of corals and aquatic life, and riding jet skis.

Through beach cleanups and informative exhibitions, and support from various groups and organisations such as Trash Hero Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Oku Sentral and Tourism Malaysia, The Eco Fest Eco District event is a right step toward realising better conservation of the marine environment in Port Dickson.

The coastal town and Blue Lagoon perhaps needs no introduction as a visitor destination, but more dedicated efforts in promoting environmental awareness to protect its underwater treasures.

One of the released sea turtles swimming out to sea at Blue Lagoon, Port Dickson.



Macropora spp. are plenty at the Blue Lagoon and its surroundings.

Holstein jangka dapat hasilkan 10 juta liter susu mentah setahun

Sasar pengeluaran 80 tan sehari

KUANTAN - The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. (Holstein) menyasarkan pengeluaran 80 tan susu segar sehari menerusi pelaburan RM30 juta bagi pembinaan kilang pemprosesan susu jema FarmFresh di Kompleks Tenusu Muadzam Shah, Rompin.

Ketua Pengawai Operasinya, Azmi Zainal (gambar kecil) berkata, pelaburan baharu itu meliputi bangunan dan pembelian dua jenis mesin pengeluaran, iaitu mesin pasteuran dan suhu ultra tinggi (UHT) yang mampu memproses sehingga 100 tan susu sehari.

"Buat masa ini, kami memproses 40 tan susu segar sehari sebaik sahaja ia selesai diperah

di ladang ternakan kami, yang berada dalam kawasan sama dengan kilang.

"Ini meningkatkan lagi kualiti susu berbanding sebelum ini, iaitu susu yang baru diperah perlu menempuh perjalanan selama enam jam untuk ke kilang pemprosesan di Larkin, Johor," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azmi berkata, buat masa ini kilang yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salabuddin Ayub pada 15 Ogos lalu itu mempunyai 65 orang pekerja dengan 95 peratus daripadanya ialah rakyat tempatan.

Menurutnya, hal ini membantu rakyat tempatan untuk mem-



AZMI melayan kunjungan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (dua, kanan) di ladang lembu tenusu Holstein di Muadzam Shah baru-baru ini.

(SSL) pengeluaran susu segar tempatan pada tahap 100 peratus, dalam tempoh lima tahun akan datang.

Azmi memaklumkan jumlah ternakan lembu di kompleks itu kini telah mencapai 3,200 ekor dan proses pemerahan dilakukan dengan penggunaan mesin pemerahan berputar bagi meningkatkan pengeluaran susu.

"Ini membolehkan jumlah perahan susu sebanyak 970 ekor lembu, dua kali sehari ditingkatkan kepada 1,500 ekor bagi dua kali perahan sehari dengan kadar purata perahan seekor ialah sebanyak 17 liter.

"Untuk tahun ini, kami berhasrat dapat mengeluarkan 10 juta liter susu mentah setahun yang merupakan 30 peratus daripada jumlah pengeluaran di Semenanjung," katanya. - Bernama

pelajari dan menguasai teknologi pemprosesan susu seperti yang menjadi amalan negara pengeluar susu terkemuka dunia.

Ia juga membolehkan Holstein bersama-sama membantu memenuhi matlamat kerajaan yang menyasarkan kadar sara diri

12/9/2019

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Konvensyen Padi Kebangsaan 2019

Kerajaan negeri bakal wujudkan sekolah peladang

Alor Setar: Kerajaan negeri akan mewujudkan sekolah peladang bagi memberi latihan secara teori dan praktikal, mengenai penanaman padi organik.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin, berkata sekolah itu dirancang ditubuhkan dengan kerjasama pengusaha padi organik, Zakaria Kamantasha di Kampung Lintang, Belantik, Sik.

Katanya, pelatih sekolah itu akan diambil dalam kalangan lelasan sekolah, golongan muda dan individu yang berminat mendalami bidang pertanian terutama penanaman padi.

"Pelatih akan belajar semua aspek tanaman padi bermula cara menanam sehingga menuai padi, selain akan didedahkan dengan tanaman organik.

"Sekolah ini tidak memerlukan bangunan hebat, tetapi yang penting ilmu pertanian yang dapat meningkatkan kualiti beras dan

pelajar mampu menghasilkan beras tanpa merosak dan mencemarkan alam sekitar," katanya ketika ditemui pada Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di sini, semalam.

Difahamkan, Zakaria, 56, yang berpengalaman hampir 10 tahun dalam tanaman padi organik, akan membimbing pelatih meneruskan tanaman berkenaan yang lebih bernilai tinggi.

Azman berkata, pesawah tradisional yang berminat beralih ke tanaman padi organik, akan ditawarkan mengikuti kursus jangka pendek penanaman padi berkenaan.

Katanya, dengan kerjasama pihak swasta, pesawah yang berpengalaman dijangka dapat mengikuti kursus itu di kawasan masing-masing tanpa perlu ke sekolah peladang.

"Teknik penanaman organik tidak sama seperti penanaman padi biasa, ia memerlukan ilmu dan ripada pesawah berpengalaman,



Azman (dua dari kanan) bersama peserta Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di Alor Setar, semalam.

(Foto BERNAMA)

sesi pembentangan kertas kerja pada konvensyen itu.

Mohammad Zaidi berkata, padi jenis itu mempunyai daya tahan serangan penyakit BLB, sekali gus mampu meningkatkan hasil padi sehingga 20 peratus.

"Sebab itulah benih ini menjadi pilihan dua juta petani di Asia Pasifik, yang sudah menggunakannya sejak sekian lama, cuma di Malaysia ia adalah sesuatu yang baharu," katanya.

Mohammad Zaidi berkata, penggunaan benih padi itu juga akan mengurangkan semburan bahan kimia terhadap pokok padi, sekali gus menghasilkan beras yang lebih selamat.

MARDI itu bakal ditanam di sawah seluas 30 hektar yang akan ditentukan agensi berkenaan, Di- sember depan.

Katanya, berdasarkan projek perintis yang dilaksanakan di kawasan seluas 21 hektar di Tanjung Serudu, Sarawak, dari 2014 hingga 2017, hasilnya sangat memberangsangkan.

"Menerusi benih padi hibrid itu, petani di Sarawak berjaya meningkatkan hasil daripada 1.9 tan sehektar kepada enam tan sehektar semusini.

"Sebelum ini, mereka perlu menunggu selama 180 hari untuk menuai, tetapi menerusi benih itu hanya 95 hari," katanya ketika

selain petani sendiri perlu mempunyai sifat cintakan alam.

"Kita akan cuba laksanakan secepat mungkin dan sebagai inisiatif baharu, kerajaan negeri akan memperkenalkan amalan pertanian baik dalam industri padi bagi membolehkan rakyat menikmati beras organik," katanya.

Sementara itu, pesawah di Semenanjung akan diperkenalkan dengan benih padi hibrid jenis Arize, yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran dan tahan penyakit hawar daun bakteria (BLB).

Pengurus Benih Padi (M) Sdn Bhd, Mohammad Zaidi Shaari, berkata benih dihasilkan bersama

NIKMATI DURIAN PERCUMA



ORANG ramai menikmati durian secara percuma pada Festival Durian Agrobank 2019 di Menara Agrobank, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

DURIAN D24 menjadi tarikan pengunjung.

FOTO INTAN NUR ELLIANE ZAKARIA



AKSI orang ramai bergambar sambil makan durian.

PENGUNJUNG melihat anak pokok durian yang dipamerkan.



Siti Syuhaila pilih jadi usahawan tani

Pada mulanya kurang mendapat sokongan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Bangi: Bermula dengan hanya menjalankan perniagaan *dropship* makanan sewaktu melanjutkan pengajian diploma mendorong Siti Syuhaila Mohd Sharif, 22, menceburi bidang itu dengan itu secara bersungguhsungguh sehingga bergelar usahawan pada usia muda.

Namun, aktiviti yang dijalankanya berbeza dengan perniagaan asalnya daripada makanan ke tanaman rock melon.

Bekas pelajar lepasan Diploma Perniagaan Agro Kolej Profesional MARA Heranang yang kini sedang mengikuti Program Inkubasi Usahawan Tani Universiti Putra Malaysia (UPM) selama lima bulan, membuahkan hasil apabila tanaman rock melon mendapat sambutan menggalakkan.

"Saya mula berniaga menjadi *dropship* makanan dengan mengambil tempahan sehari sebelum juadah disiapkan. Apabila saya mula menjalani latihan industri di Sudin Sheila Figs Garden dan Ruqayyah Enterprise, saya diwujudkan dengan ekspedansi jualan pasar tani.

"Daripada situlah mula terbit



Siti Syuhaila (dua dari kanan) bersama-sama rakan ketika menjalani latihan industri yang banyak mengajarnya mengenai bidang pertanian.

rasa ingin berlinak dalam bidang perniagaan tani dan saya banyak pelajari ilmu strategi pemasaran daripada pemilik dua syarikat itu," katanya.

Selepas tamat latihan industri, Siti Syuhaila tidak menunggu lama untuk menjadi usahawan tani walaupun pada awal pembabitannya kurang mendapat sokongan daripada keluarga.

"Saya akui antara cabaran terbesar adalah mendapatkan restu dan sokongan keluarga. Ini kerana tidak seorang pun daripada ahli keluarga saya pernah terlibat dalam bidang perniagaan apatah lagi membabitkan pertanian.

"Agak sukar pada mulanya untuk mereka lepaskan saya menceburi bidang ini, tetapi selepas berbincang dan terangkan kepada

mereka hala tuju saya selepas ini, mereka bersetuju dan kini sentiasa memberi sokongan padu.

"Saya juga menghadapi masalah tiada kenderaan sehingga terpaksa meminta bantuan rakan-rakan menghantar stok pokok (selain rock melon) kepada pelanggan," kata pemilik Instagram shaha_agro itu.

Ditanya apakah yang mendorongnya untuk memilih perniagaan ini, Siti Syuhaila berkata, keluangannya menjadi kekuatan dan sebab utama dia menceburi bidang perniagaan berasaskan pertanian.

"Saya memilih perniagaan kerana sejak di bangku sekolah lagi saya sudah bekerja sendiri demi membantu keluarga. Saya nampak perbezaan antara bekerja dan berniaga. Pada masa



Siti Syuhaila mendapat sokongan padu keluarga.

sama, saya ingin menjadi inspirasi kepada anak muda.

"Dalam Islam ada mengatakan sembilang daripada 10 punca pencarian rezeki adalah dengan berniaga. Jadi peluang perniagaan ini amat luas," katanya.

Anak jati Johor Bharu itu juga memberitahu, perniagaannya tidak membabitkan pekerja tetap

cuma rakan kongsi daripada Ruqayyah Enterprise bagi membantunya daripada segi mendapatkan stok pokok dan penghantaran.

RMS berkampung di Sabak Bernam

Tengku Amir Shah luang masa tiga hari di daerah itu

**MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR**

SABAK BERNAM

Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dijadualkan berada selama tiga hari di daerah ini pada Program Jelajah Sabak Bernam di sini bermula semalam.

Baginda yang tiba di

Selincian kira-kira jam 11.50 pagi semalam memulakan lawatan pertama di Syarikat Sin Hiap Huat dan mengikuti sesi penerangan dan lawatan semaian benih padi.

Baginda kemudiannya ke Jeti Nelayan Bagan Nakhoda Omar menaiki bot dan menyusuri hutan bakau sekitar perairan itu.

Tengku Amir Shah turut meredah ombak menaiki bot bagi merasai sendiri pengalaman menangkap ikan di Bagan Nakhoda Omar di sini.

Baginda bersama rombongan orang-orang besar istana tiba di Jeti Nelayan Bagan Nakhoda Omar kira-kira jam 3.40 petang.

Baginda kemudiannya mendengar taklimat khas daripada Jabatan Perikanan mengenai aktiviti penangkapan ikan di kawasan itu.

Baginda turut menarik perhatian tetamu dan agensi kerajaan yang hadir apabila bersama rombongannya dan agensi terlibat turun ke laut selepas mendengar taklimat.

Sebanyak sembilan bot termasuk bot fiber dinaiki baginda menyusuri perjalanan sejauh dua batu nautika dari jeti Bagan Nakhoda Omar.

Baginda turut menunjukkan kemahiran menaikkan hasil laut menggunakan pukat hanyut.



Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke Syarikat Sin Hiap Huat dan mengikuti sesi penerangan dan lawatan semaian benih padi.

12/9/2019

BERITA
NASIONAL
HARIAN

8

Ladang padi terima reaksi positif

Petani mahu penerangan, kajian mendalam sebelum sawah dicantumkan

Oleh Badrul Kamal Zakaria, Abnor Hamizam Abd Manap, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi, Nurul Fatimah Sulaimi dan Noorzura Abdul Rahman bnnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan mencantumkan sawah menjadi ladang padi berskala besar mendapat sambutan positif petani, tetapi pada masa sama mereka mahu penerangan serta kajian mendalam dilakukan terlebih dahulu. Mereka mahu memastikan pelaksanaannya kelak memberi manfaat dalam jangka panjang, termasuk kemungkinan pemilik turut diambil bekerja dengan pihak yang mengusahakan sawah itu.

Di Alor Setar, pesawah, Ariffin Roslan, 58, bersetuju dengan cadangan itu kerana mampu me-

ningkatkan pendapatan petani, terutama yang memiliki sawah kecil.

Beliau juga mengakui ladang padi yang diurus secara profesional akan dapat mengurangkan kos pertanian, selain menjimatkan tenaga.

"Saya melihat ia sebagai satu keperluan, berikutan generasi se-ri pada orang tua mereka dan saiz sawah pula menjadi kecil selepas dibahagikan.

"Lebih baik kita usahakan sawah secara ladang, yang memberi keuntungan kepada pemilik sawah selain meningkatkan hasil dan kualiti padi," katanya.

Tun Dr Mahatir Mohamad, berkata pesawah kecil perlu mencantumkan tanah bagi diurus secara profesional, agar mereka tidak terus dibelenggu kemiskinan dan bergantung kepada subsidi.

Antara yang dicadangkan adalah sawah dicantumkan menjadi ladang seluas antara 1,000 ke 2,000 hektar, diurus individu yang mahir selain penggunaan alatan dan jentera moden.

Pesawal, Mat Amin Wazir, 60, pula meminta supaya petani diberi penerangan lengkap terlebih dahulu, sebelum sebarang kepu-



Keratan akhbar BH semalam.

tusan dibuat agensi berkaitan. Beliau turut menyatakan ke-imbangan sekiranya ladang padi itu gagal diuruskan secara baik, sehingga mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan petani.

"Cadangan ini memerlukan kepercayaan yang tinggi daripada petani, model ladang yang hendak dibentangkan harus meyakinkan kami dan saya tidak mahu terikat dengan undang-undang yang akan menyusahkan petani," katanya.

Di Parit Buntar, Ketua Unit Pe- ladang Parit Mat Keing, Norpadli

Di Tangkak, Ketua Penguru- san Sawah Kelompok Telok Rim- ba, Ramdan Jamal, berkata secara asasnya pesawah bersetuju dengan cadangan itu, tetapi perlu maklumat mendalam kerana ma- hu mengetahui pihak yang akan menguruskan ladang padi itu ser- ta proses pemasaran hasilnya.

"Saya yakin saranan Dr Ma- hathir ini mampu memberi ke- baikan kepada petani.

"Apa yang kami perlukan ialah maklumat lanjut seperti garis panduan dan kertas cadangan supaya dapat difahami.

"Kami memang mengharap- kan sesuatu yang baik kepada pesa- wah dan jika saranan ini baik untuk kami, buat apa kita me- nolaknya. Cuma kita menantikan maklumat lanjut.

Di Jelebu, petani Kampung Sungai Buloh, Simpang Durian, Mostakim Muhamamad, 55, mem- bangkitkan mengenai kedudukan nasib petani, apabila sawah di- serahkan kepada pihak lain un- tuk diusahakan.

"Jika sawah dicantumkan, ba- gaimana pula dengan nasib pe- sawah atau pemilik sawah? Jadi kerajaan perlu buat kajian dan adakan perbincangan dengan pe- sawah sebelum buat keputusan," katanya.

Samad, berkata masa depan petani lebih terjamin jika cadangan itu dilaksanakan, kerana mereka ti- dak lagi menanggung risiko se- perti ketidakmenjadian padi di- sebabkan masalah penyakit dan cuaca.

"Apa pun, kajian perlu dilaku- kan seperti berkaitan bayaran atau elaun bulanan/musim ke- pada pesawah, selepas tanah yang diserah dicantumkan.

"Jika kesannya baik, kami tiada masalah menyerahkan sa- wah untuk dikendalikan syarikat profesional," katanya.

Labour and land issues in padi farming

I REFER to the report "Padi estates for better yield" (*The Star*, Sept 11), which quoted Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad as saying that padi farmers can rise out of poverty if they are prepared to accept the idea of consolidating their smallholdings and operating them as estates.

The problem is the smallholdings are often too small for mechanisation as they have dwindled in size from generation to generation due to repeated subdivision among the children of padi farmers.

Another problem is many owners of the individual lots have migrated to towns and cities for employment and are sometimes difficult to trace.

But the most persistent problem is shortage of manpower, as most of the young people have migrated out of the village in search of employment in urban areas.

It would be better to plant other food crops like vegetables.

M. GANESHADEVA
Kuala Lumpur

Headline	Hybrid mangoes with species from Australia and Malaysia		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A37	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	1299 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,346

一棵芒果树嫁接8个品种

芒果是我十分喜爱的水果，在多个品种的混合种植中，我发现了一个非常有趣的现象，那就是在同一个果园里，嫁接了8个品种的芒果树，它们不仅长得很好，而且经济实惠的热带水果。

林金瑜在一棵芒果树，共嫁接8个芒果品种。他说，芒果种类随着农民

的研究而增加，本世纪最甜芒（Banan Manis）为高糖质芒果，此外，还有有偏甜的全成、望帝、Susu、四季芒、福隆的有基芒、芒、石果芒等。

他认为，在本地培育的芒果若进行商业化生产，将有一定的市场。

芒果的果实营养丰富，含维生素A、维生素B群、维生素C、每100克含0.5至1.00毫克的纤维、糖、蛋白质、维生素、矿物质和脂肪等。由于芒果不仅新鲜可口且长途运输，人们把芒果制成罐头、蜜饯、果汁、果干、果酱、果冻等。



嫁接培育加快收成 大马澳芒果肉细腻

报导 刘淑娟

一名从小对果苗培育和种植有兴趣的农民，通过嫁接法培植来自澳洲的芒果，成功培育的芒果外形和肉质不会输给人口芒果。

来自麻坡的果农林金瑜于幼时从小就对果苗培育和种植有兴趣。约8年前，他在农场的果园里种植澳洲的芒果，发现外形十分吸引人，果肉香甜，再加上香气浓郁，果肉细腻，他便突发奇想，何不试试本土品种。

这颗重量达一分斤的芒果，共有3粒小种子，林金瑜把它培养成三棵幼苗，经过8年的照料，幼苗成了大树。此外，他还成功培育了澳洲的荔枝苗，并以每株幼苗卖120令吉出售，果实的每斤售价约10令吉，基本能平衡投入的成本。

他说，若用种子栽种，约3至4年才有收成。若用嫁接法培植，可缩短至半年至一年，即两年左右便可有果结果。一棵果树6年树龄，便可进入盛产期。他共花了8年的时间培育澳洲芒果，发现果树在生长和适应气候良好，外形和肉质不会输给进口水果，使他更有信心。

根据资料显示，澳洲产澳洲芒果，有芒果王子的称号，外表光滑圆润，颜色



林金瑜在这棵芒果树嫁接8个品种的芒果。除澳洲外，也有本地芒果。

呈金黄色带有红色条纹，果实大小不一，味道甜而不腻，厚而细腻，或甜或酸。年产量约达500至1500亩，成熟率在每年10月至12月。

嫁接动作要快

林金瑜接受《东方日报》访问时透露，嫁接是一门手艺活，动作要快，以减少植物水分蒸发和细菌氧化。

这名嫁接法培植达人透露，本身是利用澳洲或澳洲的荔枝苗。他解释，形成嫁接树皮与木质部之间的一层薄壁细胞组织，这层组织具有极强的分裂能力，不断地进行分裂，向外形成韧皮部，向内形成木质部引起果树根茎生长。

林金瑜受访时透露，如何快速用一把小刀把接穗（嫁接新株的枝干）切长约3寸长，环状式割开。他说，这种切口能刺激形成层产生生长素，形成层细胞加速分裂，形成一层胶状的白色细胞。他解释，这样白色细胞是一团没有分化的球状非木质细胞，叫愈伤组织。

之后把新接的荔枝苗贴在切口部分，再拿一把已浸过水的棉布蘸在切开的部分，再用透明胶布包裹切口。该段期间约需一个多月的时间，切口部分便会长出细根。这是因为荔枝之间的形成层有细胞接触关系，使水分和营养物质互相流通。

除嫁接外，林金瑜也会加入有蚯蚓粪的泥土，作为生产肥料的材料。

建议昆虫不育技术消灭果蝇

芒果病虫害繁多，从树干、树根、叶子到果实都要定期喷洒药剂，才有收成。芒果主要病虫害有芒果炭疽病、白粉病、根颈腐烂病、芒果流胶病、芒果溃疡病等。

本地虫害最普遍的是果蝇。这些果蝇在果实产后期，幼虫就在半腐化中存活，靠果肉的养分成长为成虫。有果蝇的果实破坏了农民的心血，无法拿到好价钱。

农民多用自制的果蝇诱饵诱杀成虫，市场上也有化学药剂和天然的生物诱饵。然而，果蝇比蚊子还厉害，可以飞到比半以外。一些国家已开始用昆虫不育技术来防治果蝇。


林金瑜说，农民在基于生物防治技术时最好农民用新技术，他建议农业部成立委员会，推广昆虫不育技术消灭果蝇，给农民生产带来质的改变。

他解释，这是一种利用电击辐射对昆虫进行基因改造，使其产生不育的害虫防治技术。这些不育的雄虫放入自然界中，它们会与自然界中的野生雌虫交配，但不会产生下一代，久而久之就会使得种群数量减少，或在一些情况下彻底灭绝种群。

昆虫不育技术被视为最环保的防治果蝇之一，但未见农业部门应用。我希望政府不致了不久后就能去实施。我期待政府推广昆虫不育技术，减少果蝇，给农民生产带来质的改变。



嫁接时用的椰糠，左边是浸了一夜的椰糠，作为生根材料。



澳洲幼苗每株售卖120令吉。



林金瑜用小刀刮去树皮，使用椰糠等置放已切开的接口部分，进行嫁接。



用小刀把接穗切长约3寸长，环状式割开后，再用透明胶布包裹切口。



除椰糠外，加一些有蚯蚓粪的泥土，作为生根材料。